

## BAB KEDUA

### SURAH YASIN

#### 2.1 PENGENALAN

Surah Yasin merupakan surah yang ke 36 mengikut susunan surah dalam al-Quran, surah ini diturunkan sesudah surah al-Jin dan diturunkan di Mekah, iaitu sebelum penghijrahan nabi Muhammad S.A.W dari Mekah ke Madinah. Dinamakan surah Yasin kerana dimulakan dengan huruf *yā'* dan *sīn*.<sup>1</sup> Surah ini juga dinamakan dengan pendorong (الدَّافِعَةُ), penghukum (القَاضِيَةُ), pelengkap (المُعَمَّةُ) dan hati (الْقَلْبُ). Surah ini memberi maksud penetapan risalah yang merupakan jiwa kewujudan dan roh kepada semua benda,<sup>2</sup> yang mana roh dan hatilah merupakan tunggak kepada utusan pengakhir rasul yang menjadi ikutan kepada kesemua penduduk Mekah.

Surah ini amatlah perlu diperbincangkan memandangkan isi kandungan dan intipatinya mengenai permasalahan akidah yang merupakan pokok perbincangan sepanjang zaman, memandangkan surah ini merupakan amalan umat Islam terutamanya ketika terkena musibah atau bala atau dalam majlis yang penuh dukacita selepas kematian.

---

<sup>1</sup> Muhammad 'Ali al-Ṣābūnī (1989) *Ṣafwah al-Taḥāsīr*, j 3 c9 Kaherah: Dār al-Ṣābūnī, h. 5

<sup>2</sup> Abū al-Hasan, Burhān al-Dīn Ibrāhīm bin 'Omar al-Biqā'ī (1980), *Nazm al-Ḍurar*, j 16 Dar al-Ma'ārif al-Uthmāniyyah. h 81

## **2.2 HUBUNGAN SURAH YASIN DENGAN SURAH–SURAH LAIN DALAM AL-QURAN.**

### **2.2.1 Hubungan Surah Yasin Dengan Surah Sebelumnya.**

Surah sebelum surah Yasin mengikut susunan al-Quran ialah surah Fāṭir. Surah tersebut menceritakan tentang orang-orang Musyrik yang bersumpah akan beriman apabila datang kepada mereka orang yang memberi peringatan iaitu rasul, tetapi setelah dibangkitkan seorang rasul kepada mereka, mereka mengingkarinya. Pada permulaan surah Yasin pula, Allah menegaskan bahawa nabi Muhammad S.A.W. adalah seorang rasul yang selalu berada di jalan yang lurus untuk memberi peringatan kepada mereka, tetapi mereka tetap tidak beriman.

Dalam surah Fāṭir disebut tentang kekuasaan Allah dalam menundukkan matahari, bintang dan bulan, masing-masing beredar mengikut waktunya yang tertentu. Manakala dalam surah Yasin disebut bahawa matahari dan bulan beredar pada garis edarnya yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T.<sup>1</sup>

### **2.2.2 Hubungan Surah Yasin Dengan Surah Selepasnya.**

Surah al-Şaffāt adalah surah selepas surah Yasin dalam susunan al-Quran. Kaitan antara kedua-dua surah ini ialah dalam surah Yasin diceritakan secara umum tentang umat-umat yang telah dihancurkan oleh Allah kerana ingkar kepadaNya, manakala surah al-Şaffāt

---

<sup>1</sup> Ibid, h 705

menjelaskannya dengan menyebut kisah-kisah nabi Nuh A.S, dan nabi Isa A.S. dengan kaumnya.

Pada akhir surah Yasin disebut secara umum keadaan orang-orang Mukmin dan orang-orang Kafir pada hari kiamat, manakala surah al-Şaffāt menjelaskan keadaan mereka secara terperinci. Dalam surah Yasin diceritakan juga tentang kekuasaan Allah melalui kebangkitan manusia sedangkan surah al-Şāffāt menjelaskan lebih mendalam dengan mengemukakan contoh-contoh bagi perkara tersebut.<sup>1</sup>

### **2.3 KEPENTINGAN SURAH YASIN**

Dinamakan surah Yasin kerana surah ini dimulakan dengan huruf *yā'* dan huruf *sīn*, pembukaan seperti ini sebagaimana diterangkan, menunjukkan mukjizat kitab suci al-Quran yang telah diturunkan kepada junjungan mulia Nabi dan Rasul terakhir. Antara kelebihan surah Yasin boleh disenaraikan seperti berikut:

#### **2.3.1 Pahala Yang Berlipatganda Bagi Orang Yang Membacanya.**

Mengikut hadith Nabi S.A.W, orang yang membaca surah Yasin akan mendapat ganjaran berlipatganda sama dengan sepuluh kali membaca sebuah al-Quran. Kenyataan ini boleh dilihat sebagaimana yang terdapat dalam beberapa hadith Nabi S.A.W antaranya ialah:

---

<sup>1</sup> Ibid., h 715

Sabda Rasulullah S.A.W:

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: إن لكل شئ قلباً وقلب القرآن يس ومن قرأ يس كتب الله له بقراءتها قراءة القرآن عشر مرات<sup>1</sup>

Maksudnya: Sabda Nabi S.A.W sesungguhnya setiap perkara bagi tiap sesuatu ada jantung sedang jantung al-Quran adalah surah Yasin, dan sesiapa yang membaca Yasin maka Allah mencatat baginya sama dengan membaca al-Quran sepuluh kali.

### 2.3.2 Dipermudahkan Semua Urusan Kepada Pembacanya.

Sebagaimana sabda Rasulullah S.A.W:

من قرأ يس حين يصبح أعطي يسر يومه حتى يمسي , ومن قرأها في صدر الليلة أعطي يسر ليلته حتى يصبح.<sup>2</sup>

Maksudnya: Sesiapa membaca surah Yasin di waktu pagi hari maka ia selalu di dalam kegembiraan hingga petang hari dan siapa membacanya diwaktu petang hari maka ia selalu dalam kegembiraan hingga pagi hari.

### 2.3.3 Pengampunan Dosa Kepada Yang Membacanya.

Sebagaimana sabda baginda S.A.W

عن أبي هريرة قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: من قرأ سورة يس في ليلة ابتغاء وجه الله عُفِر له في تلك الليلة<sup>3</sup>

Maksudnya: Daripada Abu Hurairah telah berkata: Rasul S.A.W telah bersabda: Barang siapa membaca surah Yasin pada waktu malam untuk mencari keredhan Allah nescaya diampunkannya pada malam itu..

Dan banyak lagi kelebihan-kelebihan surah Yasin memandangkan surah ini dianggap sebagai “Hati al-Quran” dan kerana ia membicarakan tentang peribadi yang paling agung

<sup>1</sup> Abu Muhammad Abdullah bin Abdul Rahman al-Dārimī (tt), *Sunan al-Dārimī*, j 2 Beirut: Dar al-Kitāb al-‘Arabī, Kitāb Faḍā’il al-Qur’ān, bab faḍl Yāsīn, h 548, no 3415

<sup>2</sup> Al-Dārimī ( tt) ibid, no 3419

<sup>3</sup> Al-Dārimī, ibid, No 3417 H 549

dalam sejarah Islam iaitu junjungan besar nabi Muhammad S.A.W, juga tentang perkara yang merupakan tunggak kepada ajaran Islam, iaitu mengenai wahyu dan alam Akhirat. Dengan itu surah ini amatlah munasabah dan sesuai dibaca terutamanya ketika terkena musibah atau bala atau dalam majlis yang penuh dukacita selepas kematian.

Surah Yasin diturunkan di Mekah dan surah ini banyak difokuskan kepada masalah akidah, antara pokok-pokok isinya ialah tentang keimanan kepada Allah, tentang hari kebangkitan, syurga dan sifat-sifatnya yang disediakan bagi orang-orang Mukmin, mensucikan Allah dari sifat-sifat yang tidak layak bagiNya, surah ini juga membuktikan bahawa anggota badan manusia menjadi saksi bagi segala perbuatan mereka di dunia.

Mengikut beberapa riwayat, surah Yasin boleh dibacakan kepada orang yang sedang nazak atau kepada orang yang telah meninggal dunia. Ini dapat dilihat daripada hadith berikut: Sabda Nabi S.A.W

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: اقرءوا يس على موتاكم<sup>1</sup>

Maksudnya: Rasullullah telah bersabda: Bacalah yasin kepada simati

Memandangkan pentingnya surah ini, beberapa ayat telah dijadikan sebagai jampi penawar untuk menjadi perantaraan bagi memohon sembuh dari pelbagai penyakit daripada Allah S.W.T . Ini dapat dilihat daripada beberapa pengamal perubatan Islam yang menggunakan beberapa ayat untuk mengubati pesakit sama ada sakit fizikal atau spiritual seperti :

---

<sup>1</sup> Abū Abd al- Raḥmān Aḥmad bin Syu‘aib al-Nasā’i (1991), *Sunan al-Nasā’i al-Kubrā*, Kitab ‘Amal al-Yaum wa al-Lailah, bāb ma yuqra’ ‘ala al-Mayyit, j 6 Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiah, no 10913

- i. Untuk melindungi diri dan keluarga (ayat 1-9)<sup>1</sup>
- ii. Untuk mengusir dan menghalau jin (ayat 51-53, 63-64)<sup>2</sup>
- iii. Untuk memanggil orang yang lari dari rumah (ayat 65-67)<sup>3</sup>

Bukan sahaja ayat-ayat tertentu dalam surah Yasin yang dijadikan sebagai ubat dan penawar, malah surah Yasin pada keseluruhannya apabila dibaca dengan kaedah dan cara tertentu boleh dijadikan sebagai rawatan dan memohon doa daripada Allah S.W.T.

Kesimpulannya, apa jua penyakit yang diberikan oleh Allah S.W.T kepada hambaNya adalah untuk menguji tahap kesabararan dan keimanannya. Begitu juga perlu diingat bahawa hanya Dia yang mampu menyembuhkan segala penyakit, manusia hanya mampu berikhtiar dengan pelbagai cara untuk merawatnya. Penggunaan ayat suci al-Quran untuk menyembuhkan penyakit memang bertepatan dengan ajaran Islam, kerana al-Quran adalah ubat segala penyakit sebagaimana firman Allah:

وَنُزِّلُ مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ<sup>٥</sup>

Maksudnya: Dan Kami turunkan dari ayat al-Quran itu  
penawar dan rahmat bagi orang yang beriman

Surah al-Isrā' (17) : 82

Tidak menjadi kesalahan kita menggunakan ayat-ayatNya untuk menyembuhkan penyakit dengan izin dan rahmat daripadaNya. Walaupun hanya terdapat hadith dhaif dalam galakan membaca surah Yasin, tidak salah kita mengamalkan bacaan surah ini kerana ianya adalah sebahagian daripada al-Quran. Sebagaimana kita semua mengetahui bahawa al-Quran itu

<sup>1</sup> Lihat : <http://www.darussyifa.org/pertahanandiri2.php> (27/10/2010)

<sup>2</sup> Mohd.Rejab Yusof (2007), *Doa Dan Amalan Untuk Pendinding Dan Rawatan*, Kua Lumpur: Jasmin Enterprise, h130-133

<sup>3</sup> Ibid

wajib dibaca oleh umat Islam. Galakan membaca al-Quran dapat diperhatikan dalam beberapa firman Allah, antaranya seperti berikut:

اللَّهُ نَزَلَ أَحْسَنَ الْحَدِيثِ كِتَابًا مُتَشَابِهًا مَثَانِيَ تَقْشَعُرُ مِنْهُ جُلُودَ الَّذِينَ  
تَخْشَوْنَ رَبَّهُمْ ثُمَّ تَلِينُ جُلُودُهُمْ وَقُلُوبُهُمْ إِلَىٰ ذِكْرِ اللَّهِ ۚ ذَٰلِكَ هُدَىٰ اللَّهِ  
يَهْدِي بِهِ ۚ مَنْ يَشَاءُ ۚ وَمَنْ يُضَلِلِ اللَّهُ فَمَا لَهُ مِنْ هَادٍ ﴿١٢﴾

Maksudnya: Allah telah menurunkan sebaik-baik perkataan iaitu Kitab al-Quran yang bersamaan isi kandungannya antara satu dengan yang lain, yang berulang-ulang, Kulit badan orang yang takut kepada Tuhan mereka menjadi seram, kemudian menjadi lembut kulit badan mereka dan tenang hati mereka kepada mengingati Allah. Itulah petunjuk Allah, Dia memberi petunjuk dengan al-Quran itu kepada sesiapa yang Ia kehendaki, dan sesiapa yang disesatkan Allah, maka tidak ada baginya seorang pemimpin pun.

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ اللَّهُ وَجِلَّتْ قُلُوبُهُمْ وَإِذَا تُلِيَتْ عَلَيْهِمْ  
آيَاتُهُ زَادَتْهُمْ إِيمَانًا وَعَلَىٰ رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ ﴿١٠١﴾

Maksudnya: Sesungguhnya orang yang beriman itu apabila disebut nama Allah gementarlah hati mereka dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayatNya, menjadikan mereka bertambah iman, dan kepada Tuhan mereka jualah mereka berserah.

Surah al-Anfāl (8) : 2

كِتَابٌ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبَارَكٌ لِيَدَّبَّرُوا آيَاتِهِ ۖ وَلِيَتَذَكَّرَ أُولُو الْأَلْبَابِ

Maksudnya: Inilah Kitab yang Kami turunkan kepadamu dengan keberkatan, untuk mereka perhatikan ayat-ayatnya, dan agar orang yang berakal mengambil iktibar.

Surah Şād (38) :29

Dengan itu, jelaslah bahawa al-Quran itu perlu dibaca dan difahami maksudnya untuk dijadikan sebagai panduan hidup, tidak kiralah ayat mana yang hendak dibaca ataupun surah mana yang hendak diutamakan kerana setiap huruf, perkataan dan ayat al-Quran mendatangkan kebaikan dunia mahupun akhirat kepada si pembaca, lebih-lebih lagi surah Yasin ini telah diriwayatkan dalam beberapa hadith yang telah disebutkan tadi tentang kelebihanannya.

## 2.4 SEBAB PENURUNAN AYAT-AYAT DALAM SURAH YASIN.

### 2.4.1 Ayat 1, 2 dan 10

يس وَالْقُرْآنِ الْحَكِيمِ ﴿١﴾  
وَسَوَاءٌ عَلَيْهِمْ ءَأَنْذَرْتَهُمْ أَمْ لَمْ تُنذِرْهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿١٠﴾

Telah dikeluarkan oleh Abu Na‘īm telah mengeluarkan hadith dalam *al-Dalā’il* daripada Ibn ‘Abbās berkata : Sesungguhnya Nabi S.A.W telah membaca al-Quran dengan suara yang nyaring sehingga mengganggu orang-orang Quraisy sehingga mereka bangun bertindak untuk memukulnya lalu tangan-tangan mereka terbelenggu ke leher dan tiba-tiba mereka menjadi buta tidak dapat melihat. Setelah itu nabi Muhammad S.A.W berdoa kepada Allah sehingga keadaan mereka kembali pulih, lalu diturunkan ayat ini. Walau bagaimanapun tiada seorangpun dari kalangan mereka yang beriman.<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> Jalāl al-Din al-Suyūti (2002), *Lubāb al-Nuqūl Fi asbāb al-Nuzūl*, Muassasah al-Kutub al-Thaqāfiyyah h 218-219



#### 2.4.2 Ayat 9

وَجَعَلْنَا مِنْ بَيْنِ أَيْدِيهِمْ سَدًّا وَمِنْ خَلْفِهِمْ سَدًّا فَأَغْشَيْنَاهُمْ فَهُمْ لَا يُبْصِرُونَ ﴿٩﴾

Sebab penurunan ayat ini sebagaimana yang diriwayatkan oleh Jarīr ibn ‘Ikramah bahawa Abu Jahal telah berkata “Sekiranya aku melihat Muhammad nescaya aku akan melakukan sesuatu ke atasnya” dan apabila demikian berkata orang di sekelilingnya yang dapat melihat nabi Muhammad S.A.W. “itu dia Muhammad”, Abu Jahal tidak terlihat dan terus bertanya “mana dia, mana dia”. Lalu Allah turunkan ayat ini<sup>1</sup>

#### 2.4.3 Ayat 12

إِنَّا نَحْنُ نُحْيِي الْمَوْتَىٰ وَنَكْتُبُ مَا قَدَّمُوا وَآثَرَهُمْ ۚ وَكُلَّ شَيْءٍ أَحْصَيْنَاهُ فِي إِمَامٍ مُّبِينٍ ﴿١٢﴾

Al-Tarmīzī telah mengeluarkan bahawa Banu Salamah yang tinggal di Madinah ingin berpindah tempat kedianman mereka maka diturunkan ayat ini.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup> Ibid.

<sup>2</sup> Ibid.

#### 2.4.4 Ayat 77-83

أَوَلَمْ يَرِ الْإِنْسَانُ أَنَّا خَلَقْنَاهُ مِنْ نُطْفَةٍ فَإِذَا هُوَ خَصِيمٌ مُبِينٌ ﴿٧٧﴾ وَضَرَبَ  
لَنَا مَثَلًا وَنَسِيَ خَلْقَهُ ۗ قَالَ مَنْ يُحْيِ الْعِظْمَ وَهِيَ رَمِيمٌ ﴿٧٨﴾ قُلْ يُحْيِيهَا  
الَّذِي أَنْشَأَهَا أَوَّلَ مَرَّةٍ ۗ وَهُوَ بِكُلِّ خَلْقٍ عَلِيمٌ ﴿٧٩﴾ الَّذِي جَعَلَ لَكُم مِّنَ  
الشَّجَرِ بِقَدِيرٍ عَلَىٰ أَنْ تَخْلُقَ مِثْلَهُمْ ۗ بَلَىٰ ۗ وَهُوَ الْخَلَّاقُ الْعَلِيمُ ﴿٨٠﴾ إِنَّمَا أَمْرُهُ  
إِذَا أَرَادَ شَيْئًا أَنْ يَقُولَ لَهُ ۖ كُنْ فَيَكُونُ ﴿٨١﴾ فَسَبِّحْنِ الَّذِي بِيَدِهِ مَلَكُوتُ  
كُلِّ شَيْءٍ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٨٢﴾

Diriwayatkan oleh al-Hakīm bahawa telah datang seorang lelaki kepada Nabi S.A.W dengan sekeping tulang yang kering dan telah rosak seraya bertanya kepadanya “Wahai Muhammad adakah seperti ini akan dibangkitkan” jawab Nabi S.A.W “dia akan dibangkitkan dan dimatikan kemudian dibangkitkan semula dan kemudian dimasukkan ke dalam neraka”. Kemudian diturunkan ayat ini.<sup>1</sup>

Kesimpulannya, ayat-ayat yang diturunkan dalam surah Yasin ini apabila diteliti jelaslah bahawa kesemuanya bersangkutan dengan kebangkitan, keingkaran dan penafian terhadap ajaran dan tuntutan yang dibawa oleh junjungan besar nabi Muhammad S.A.W. Ini jelas menunjukkan bahawa perkara tersebut adalah berkait rapat dengan akidah dan kepercayaan manusia terhadap Penciptanya. Perkara ini jika tidak dapat diperbetulkan ia boleh merosakkan segala aktiviti luaran manusia dan boleh membawa kepada kebinasaan. Justeru itu, perkara berkaitan akidah ini perlu diambil berat oleh semua umat Islam, agar kita dapat menyelamatkan dunia dari kesesatan dan dapat menyelamatkan umat manusia daripada seksaan api neraka.

<sup>1</sup> Ibid

## 2.5 HURUF PERMULAAN SURAH YASIN

### 2.5.1 Huruf *Hijā'iyah* Di Awal Surah

Antara mukjizat al-Quran ialah susunan dan permulaan awal surah yang berlaianan daripada karya ahli bahasa Arab. Antaranya ialah permulaan surah dengan huruf-huruf yang tidak dapat diketahui maksudnya oleh manusia.<sup>1</sup>

Jumlah huruf yang menjadi permulaan surah al-Quran kesemuanya adalah 14 huruf yang terdiri daripada huruf ( ا ل م ص ر ك ه ي ع ط ص س ح ق ن ), huruf-huruf ini boleh diungkapkan dalam satu kata-kata ( نص حكيم قاطع له سر ) yang membawa maksud nas atau ungkapan indah tersembunyi rahsianya. Huruf- huruf ini terdiri daripada pelbagai sifat hurufnya iaitu (المستعلية) tinggi, (المنخفضة) perlahan, (القلقلة) melantun dan sebagainya. Penurunan al-Quran dalam bentuk ini tentu mempunyai tujuan dan hikmah tersembunyi yang hanya diketahui oleh Allah sahaja.<sup>2</sup>

Terdapat banyak surah dalam al-Quran yang bermula dengan huruf *hijā'iyah* yang telah dibincangkan oleh ahli Tafsir. Ada surah yang dimulakan dengan satu huruf seperti ق ن, ada yang dimulakan dengan dua huruf seperti طه يس, dimulakan dengan tiga huruf seperti كهيعص dan ada juga yang dimulakan dengan lima huruf seperti الم الر.

---

<sup>1</sup> Ismā'il ibn Kathīr al-Qursyīy (773h), *Tafsīr al-Qur' ān al-'Azīm*, j 1 Kaherah: Maktabah al-Turāth, h. 36

<sup>2</sup> Ibid.

## 2.5.2 Pengertian Huruf Di Permulaan Surah Al-Quran.

Ahli Tafsir telah berselisih pendapat mengenai huruf yang terletak pada awal surah antaranya ialah:

- i. **Pendapat Pertama:** Menyerahkan maksudnya kepada Allah S.A.W, mereka tidak mahu mentafsirkan huruf-huruf itu. Mereka berpendapat Allah sahaja yang mengetahui rahsia dan pengertian permulaan surah seperti ini.

Pendapat ini ditentang oleh kebanyakan ahli *tahqīq*.<sup>1</sup> Alasan penolakan mereka adalah berhujahkan ayat-ayat berikut:

- a. Firman Allah dalam al-Quran:

بَلِسَانَ عَرَبِيٍّ مُبِينٍ

Maksudnya: Dengan bahasa Arab yang jelas.

Surah al-Syu'arā' (26) :195

Maksudnya al-Quran itu dibawa oleh Jibril kepada nabi Muhammad dalam bahasa Arab yang jelas. Dari ayat ini dapat difahami bahawa ayat-ayat dalam al-Quran itu adalah jelas. Maka mustahil dalam al-Quran terdapat ayat yang tidak jelas.

---

<sup>1</sup> Muhammad Jamaluddin al-Qāsimī (1957), *Tafsir al-Qāsimī al-Musammā Mahāsin al-Ta'wīl* , c 1 Īsā al-Babī al-Ḥalabī, h. 32

b. Dalam al-Quran terdapat ayat-ayat yang menunjukkan bahawa al-Quran itu menjadi panduan bagi manusia. Di antaranya firman Allah:

ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ

Maksudnya: Kitab al-Quran ini tidak ada keraguan pada petunjuk bagi mereka yang bertaqwa.

Surah al-Baqarah (2) : 5

Dan firmanNya lagi:

هَذَا بَيَانٌ لِّلنَّاسِ وَهُدًى وَمَوْعِظَةٌ لِّلْمُتَّقِينَ

Maksudnya: Al-Quran ini adalah penerangan bagi seluruh manusia dan petunjuk serta pelajaran bagi orang-orang yang bertaqwa

Surah Āl ‘Imrān (3) : 138

Dan banyak lagi ayat-ayat yang menerangkan bahawa al-Quran itu adalah panduan dan petunjuk bagi manusia. Sesuatu yang fungsinya menjadi panduan tentu jelas dan dapat difahami. Hal-hal yang tidak jelas dan tidak dapat difahami tidak dapat dijadikan sebagai panduan. Jadi, mustahil setiap huruf yang terkandung dalam al-Quran itu tidak jelas maksudnya, kalau tidak jelas bagaimana kita hendak menjadikannya sebagai panduan dan rujukan

c. Dalam ayat yang lain pula Allah berfirman:

وَلَقَدْ يَسَّرْنَا الْقُرْآنَ لِلذِّكْرِ فَهَلْ مِن مُّدَكِّرٍ

Maksudnya: Dan sesungguhnya telah Kami mudahkan al-Quran untuk pelajaran, maka adakah orang yang mahu mengambil pelajaran?

Surah al-Qamar (54) :17

ii. **Pendapat yang kedua:** iaitu golongan yang mentafsirkan huruf-huruf permulaan surah al-Quran. Antara hujah golongan ini ialah huruf-huruf di awal surah adalah isyarat atau ringkasan daripada kata-kata, umpamanya *alif lām mīm*. *Alif* adalah ringkasan dari Allah, *lām* ringkasan dari Jibrīl, dan *mīm* ringkasan dari Muhammad, yang bermaksud al-Quran itu datang daripada Allah, disampaikan oleh Jibrīl kepada nabi Mohammad. Manakala *alif lām rā'* pula ali ringkasan dari ana (saya), *lām* ringkasan dari Allah dan *rā'* ringkasan dari al-Rahmān, yang bererti: Aku adalah Allah Yang Maha Pemurah.<sup>1</sup>

Pendapat ini tidak diterima oleh kebanyakan ahli Tafsir kerana mereka mengatakan tidak ada kaedah khusus untuk menentukan makna huruf-huruf ini

iii. **Pendapat ketiga:** mengatakan huruf-huruf ini adalah nama bagi surah yang dimulai dengan huruf-huruf itu sendiri.<sup>2</sup>

Dengan kata lain, mengikut pandangan golongan ini huruf-huruf abjad yang terdapat pada permulaan surah adalah nama bagi surah tersebut. Pendapat ini juga ini tidak dipersetujui oleh kebanyakan ahli Tafsir, alasan mereka ialah surah-surah yang dimulai dengan huruf-huruf ini kebanyakannya mempunyai nama yang lain, dan nama yang lain itulah yang terpakai. Umpamanya surah al-Baqarah, Āl 'Imrān, Maryam dan lain-lain, kalau huruf-huruf itu adalah nama surah, tentu nama-nama itulah yang akan dipakai oleh para sahabat, Rasul S.A.W dan kaum Muslimin sejak dari dahulu sampai sekarang.<sup>3</sup> Hanya terdapat empat buah surah yang sampai sekarang tetap dinamai dengan huruf-huruf abjad

---

<sup>1</sup>Muhammad bin Bahādir bin Abdullah al-Zarkasyī, *al-Burhān Fi 'ulūm al-Qur'ān*, j 1 Beirut: Dār al-Ma'rifah h 174.

<sup>2</sup>Ibn kathīr al-Qursyīy (773h), op cit, h 36

<sup>3</sup>Al-Zarkāsyī, op cit, j1 h 174

yang terdapat pada permulaan surah-surah itu, iaitu surah Tāhā, surah Yāsīn, surah Ṣād dan surah Qāf.<sup>1</sup>

iv. Pendapat Sayyed Quṭb mengatakan huruf-huruf ini merupakan isyarat bahawa al-Quran adalah tersusun dari huruf-huruf yang sudah dikenali oleh orang-orang Arab yang diturunkan kepada mereka wahyu ini. Walaupun begitu, al-Quran merupakan kitab mukjizat, dimana mereka tidak dapat menyusun huruf-huruf itu menjadi seperti al-Quran<sup>2</sup>.

v. Al-Zarkasyī berpendapat bahawa huruf-huruf ini disebut untuk menunjukkan bahawa al-Quran adalah tersusun daripada huruf-huruf ini iaitu *alif, bā', tā', thā'*, maka setengahnya dalam bentuk yang terputus (*Muqaṭa'*) dan setengahnya dalam bentuk tersusun, (*Muallaf*) untuk menunjukkan kepada kaum yang diturunkan al-Quran dengan bahasa mereka bahawa ia adalah merupakan huruf-huruf yang mereka dapat memahaminya dan mereka membina perkataan-perkataan dengannya<sup>3</sup>

vi. Manakala Ibn Kathīr berkata: “Kerana itu setiap surah yang dimulai dengan huruf-huruf ini, maka selepasnya secara langsung menyebut kelebihan, kebesaran serta keagungan al-Quran. Ini dapat dirasa dan diketahui oleh mereka yang benar-benar memerhatikan al-Quran yang terdapat dalam dua puluh sembilan surah<sup>4</sup>

---

<sup>1</sup> Ibid

<sup>2</sup> Sayyed Quṭb (tt), op cit, j 6 h 158

<sup>3</sup> Muhammad bin Bahādir bin Abdullah al-Zarkasyī, *al-Burhān Fi 'ulūm al-Qur'ān*, j 1 Beirut: Dār al-Ma'rifah h 175

<sup>4</sup> Ibn Kathīr ( tt), op cit

Apa yang disebutkan oleh Ibn Kathīr dapat dilihat pada permulaan surah-surah al- Baqarah, Āl ‘Imrān, al-A’rāf, Yūnus, Hūd, Yūsuf, al-Ra’d, Ibrāhīm, al-Hijr, al-Kahf dan beberapa surah lain termasuklah pada permulaan surah Yasin.

Kesimpulannya, apa jua maksud sebenar huruf-huruf di awal surah dalam al-Quran, ia tetap merupakan satu rahsia yang hanya diketahui oleh Yang Maha Esa, dan hikmah di sebalik rahsia huruf ini adalah untuk mencabar bangsa Arab serta menghadapkan perhatian manusia kepada ayat-ayat yang akan dibacakan oleh nabi Muhammad S.A.W.

### 2.5.3 Bacaan Huruf Permulaan Surah Dan *I’rābnya*<sup>1</sup>

Permulaan surah Yasin juga diperbincangkan oleh para ahli Tafsir dan ahli Bahasa dari segi kedudukannya dalam tatabahasa Arab atau *i’rāb* dan juga hikmah penurunannya dalam bentuk tersebut.

Tentang pembacaannya dan kedudukannya dari segi *i’rāb* dalam bahasa Arab boleh disimpulkan seperti berikut:

- i. Mengikut *jumhūr* atau kebanyakan ulama’ mereka berpendapat يس dibaca dengan mematikan *nūn* dengan alasan huruf ini tidak mempunyai kedudukan dari segi *i’rāb*.

---

<sup>1</sup> *i’rāb* ialah istilah bahasa Arab yang memberi erti perubahan baris akhir perkataan disebabkan oleh perkataan lain yang mendahului dan mengubah barisnya, sama ada secara terang atau tidak seperti يَأْكُلُ مُخَمَّذُ الْأُرُرِ dan يَأْكُلُ مُخَمَّذُ الْأُرُرِ perkataan يَأْكُلُ berubah barisnya daripada baris di hahapan (◌) kepada baris mati (◌) disebabkan berada selepas لَمْ iaitu antara perkataan yang menjazamkan *fi’l al-Mudari’* atau mengubah barisnya dari keadaan asal (◌) kepada (◌) apabila didahului salah satu *huruf jazam* (لا الأَمْر- لَمْ نَهْيَة- لَمْ لَمَّا), lihat : Abdul Ghanī Al-Daqr (1988), *Mu’jam al-Nahw*, c 4 Beirut: Mu’assasah al-Risālah,, h 42



- ii. Ibn Kathīr, Abu ‘Umar, Hamzah, Hifs, Qālūn dan Warsyī membacanya dengan mengidghamkan<sup>1</sup> *nūn* ke dalam *wau* yang terletak pada ayat seterusnya.<sup>2</sup>
- iii. Ibn ‘Abbas, Ibn Abi Ishak dan Nasr bin ‘Āsim membacanya dengan berbaris di bawah berdasarkan perkataan ini merupakan *’ism mabni*<sup>3</sup>
- iv. ‘Īsa bin ‘Omar membacanya dengan berbaris di atas kerana beliau menganggap ia sebagai *’ism mabni* atau ianya di *’i’rāb* sebagai *maf’ūl* kepada *fi’l* yang dibuang iaitu (اتل يس)
- v. Pendapat lain mengatakan pembacaan dengan baris di atas dan dibawah adalah kerana hendak mengelak daripada berlaku pertembungan dua huruf mati iaitu *yā’* dan *nūn*.<sup>4</sup>
- vi. Ḥarun al-A‘war, Muhammad bin al-Samīfa‘u dan al-Kalabī membacanya dengan berbaris depan, dengan anggapan ianya perkataan *mabnī* seperti (مند) atau kerana di *’i’rāb* sebagai *khavar* kepada *mubtada’* yang dibuang (هذه يس)<sup>5</sup>

Kesimpulannya pembacaan huruf di awal surah adalah tertakluk kepada kedudukan perkataan dalam *jumlah* atau ayat dan perbezaan bacaan mengikut ahli Tafsir tadi menunjukkan mereka merujuk kepada kaedah Nahu dan Ṣarf.

<sup>1</sup>*Idghām* pada bahasa memberi maksud memasukkan sesuatu ke dalam sesuatu, dari segi istilah ilmu Tajwid memberi maksud memasukkan huruf *nūn* mati atau *tanwīn* (baris dua) ke dalam huruf selepasnya, lihat Jamaluddin Ridhuan, Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran al-Quran, Kuala Lumpur: Percetakan Salam Sdn. Bhd, h 144

<sup>2</sup> Shihābuddīn Mahmūd bin ‘Abdullāh al-Husayn al-Alūsī (tt), *Ruh al-Ma‘ānī fi Tafsīr al-Qur‘ān al-‘Azīm wa al-Sab‘ al-Mathānī*, J 16, Idārat al-Tibā‘ah al-Muniriyyah, h 422

<sup>3</sup> Ialah *’ism* yang tidak berubah baris atau huruf akhir ketika berubah kedudukannya dalam ayat. Lihat al-Daqar (1988), *Mu‘jam al-Nahw*, c 4 Beirut: Mu‘assasah al-Risālah, h 89

<sup>4</sup> Shihābuddīn Mahmūd al-Alūsī (tt) op cit.

<sup>5</sup> Muhammad Ali Muhammad al-Syaukānī (1991), *Fath al-Qadīr*, j 5 c1 Damsyik: Dār al-Khair, h. 411

Ahli Tafsir bukan sahaja berselisih pendapat pada bacaan, bahkan mereka juga berbeza pendapat tentang asal huruf permulaan surah Yasin. apakah huruf ini merupakan bahasa Arab atau bahasa lain. Mengikut pendapat Sa'īd bin Jubayr dan 'Ikrimah berpendapat ianya bahasa Habasyī. Al-Kalbī pula mengatakan ianya bahasa Suryania tetapi digunakan oleh orang Arab lalu dijadikan bahasa mereka, al-Sya'bī pula mengatakan ia adalah bahasa Ṭi', manakala pendapat al-Hasan ianya adalah bahasa Kalab<sup>1</sup>

Apa yang kita dapat lihat di sini ialah cara ahli Tafsir dalam menafsir dan mengkaji al-Quran, dimana mereka berpegang kepada asas-asas bahasa Arab dalam kajian mereka, sama ada untuk mendapatkan maksud di sebalik ayat ataupun cara membariskan perkataan. Ini membuktikan kepada kita bahawa ilmu bahasa Arab itu sangat penting untuk dipelajari bagi memahami al-Quran secara mendalam.

---

<sup>1</sup> Ibid, h. 412

## 2.5.4 Maksud Yasin

Para ulama telah berselisih pendapat tentang pengertian huruf *yā'* dan *sīn* yang dimulakan dalam surah Yasin, dan yang menjadi nama bagi surah ini, perselisihan tersebut boleh disimpulkan seperti berikut:<sup>1</sup>

- i. Ibn 'Abbās berpendapat ianya adalah sumpahan.
- ii. Ibn al-Samaiqān mengatakan maknanya ialah : (يا رجل) wahai lelaki
- iii. Hasan pula berpendapat ia adalah pembukaan surah.
- iv. Diriwayatkan daripada Ibn 'Abāas dan Ibn Mas'ūd dan selain daripada mereka bahawa maknanya ialah (يا إنسان) wahai manusia.
- v. Sa'id bin Jubayr mengatakan ianya adalah nama daripada nama-nama Mohammad berdalilkan ayat (إنك لمن المرسلين)
- vi. Abu Bakr al -Warrāq berpendapat maknanya ialah (يا سيّد البشر) wahai penghulu manusia
- vii. Terdapat juga pendapat yang mengatakan ia adalah nama bagi Allah

Kesimpulannya, pengertian huruf *yā'* dan *sīn* pada awal surah itu ditafsirkan dalam pelbagai makna mengikut hujah masing-masing. Ini jelas memperlihatkan kepada kita bahawa rahsia di sebalik huruf-huruf yang terdapat dalam al-Quran masih banyak yang tidak diketahui oleh manusia dan tidak mampu difikirkan oleh akal mereka. Walau apa maksud dan makna di sebalik setiap huruf terutamanya huruf yang terletak di awal surah tentu sekali tidak mampu diberikan secara jelas oleh manusia kerana pengetahuan terhadap

---

<sup>1</sup> Abu Abdullah Muhammad bin Ahmad al-Ansār al-Qurṭubī (tt ), *al-Jami' Li Ahkām al-Qur'ān*, j 8 c 1, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 5

semua perkara adalah terserah kepadanya. Manusia hanya mampu mengkaji dan berfikir setakat kemampuan yang diberikan kepada mereka. Walau bagaimanapun manusia perlu terus mengkaji dan berfikir sehingga dapat memperkembangkan ilmu yang dimiliki kepada umat seterusnya.

## **2.6. Tema Surah Yasin**

Surah Yasin diturunkan di Mekah dan sebagaimana diketahui bahawa surah ini banyak memfokuskan kepada masalah akidah. Antara pokok-pokok isinya ialah keimanan kepada Allah, tentang hari kebangkitan, syurga yang disediakan bagi orang-orang Mukmin dan sifat-sifatnya, tentang kesucian Allah dari sifat-sifat yang tidak layak bagiNya. Surah ini juga membuktikan bahawa anggota badan manusia menjadi saksi bagi segala perbuatan mereka di dunia.<sup>1</sup> Beberapa kisah Nabi-nabi terdahulu turut dipaparkan untuk dijadikan sebagai peringatan kepada umat manusia seperti kisah utusan-utusan nabi 'Īsa A.S. dengan penduduk Anthakiah (Syam).

Dalam surah ini juga disebutkan tentang bukti kekuasaan Allah melalui penciptaan segala sesuatu secara berpasangan, tentang ajal dan hari kiamat yang akan datang secara tiba-tiba dan tidak diketahui oleh mana-mana makhluk kecuali Penciptanya yang maha Agung. Persembahan surah ini dibahagikan kepada tiga fasa utama iaitu:

---

<sup>1</sup> Wahbah al-Zuhaylī (1991), *al-Tasīr al-Munīr fī al-'Aqīdah wa al-Syarī'ah wa al-Manhaj*, juz 21 c2 Damsyiq: Dār al-Fikr al-'Arabī, h. 288

**Fasa pertama** : dimulakan dengan ayat pertama sehingga ayat ke 29 yang mana fasa ini dimulakan dengan dua huruf *hijāiyyah* iaitu *yā'* dan *sīn* diikuti sumpahan dengan al-Quran dan kerasulan nabi Mohammad<sup>1</sup>

Kemudian dibentangkan tentang kesudahan bagi orang-orang yang berdusta, menerangkan bahawa peringatan itu berguna hanya kepada orang yang takut kepada Allah dan mengikut perintahNya, dan orang-orang itu bersedia untuk menerima hidayat dan iman<sup>2</sup>

Kemudian didedahkan pula dengan pemberian contoh mengenai orang kampung yang berdusta kepada Allah dan akibat yang mereka terima.<sup>3</sup> Sebagaimana dipamerkan keimanan yang tertanam di dalam hati seorang lelaki serta kesan keimanan tersebut:<sup>4</sup>

**Fasa kedua:** Pada fasa kedua bermula dengan ayat 30 hingga 68 dibentangkan tentang penyesalan yang berlaku pada golongan yang mengingkari perintah Allah serta berdusta dan mengejek Rasul-rasul yang diutuskan oleh Allah kepada mereka. Gambaran tentang hari kiamat turut dibentang dalam fasa ini<sup>5</sup>

**Fasa ketiga:** Fasa ketiga yang bermula dari ayat 69-83 ini adalah kesimpulan terhadap semua cerita yang terdapat dalam surah Yasin<sup>6</sup>

---

<sup>1</sup> Sayyed Quṭb (1987), *Fi Zilal al- Qur'ān*, j5 c13, Beirut: Dār al- Syurūq, h 2956-2957

<sup>2</sup> Sayyed Quṭb (1987), *op cit* , h 2956-2957

<sup>3</sup> Ibid

<sup>4</sup> Ibid

<sup>5</sup> Ibid

<sup>6</sup> Ibid

## 2.7 Intisari surah Yasin<sup>1</sup>

Terdapat pelbagai peringatan dan amaran dalam surah Yasin yang amat berkesan kepada pembaca, ia menyentuh sanubari orang yang memahami dan meneliti makna serta isi kandungannya, membuka hati-hati yang beriman supaya segera mengakui kewujudan Yang Maha Kuasa dan menundukkan hati terhadap segala perintahNya seterusnya beriman dengan hari kebangkitan dan balasan baik buruk pada hari tersebut.

Dalam bahagian ini penulis akan menjelaskan intisari yang terdapat dalam surah ini terutamanya yang berkaitan dengan kebangkitan semula dan lain-lain.

Setelah surah ini dimulakan dengan dua huruf *hija'iyah* iaitu *ya'* dan *sīn*, Allah bersumpah dengan al-Quran yang penuh hikmah bahawa nabi Muhammad S.A.W. adalah antara rasul-rasulNya yang diutuskan kepada manusia untuk membawa ajaran yang lurus berteraskan wahyu yang diturunkan oleh Allah Yang Maha Perkasa lagi Maha Mengasihani (ayat 2-5).

Peranan Rasulullah S.A.W adalah untuk memberi peringatan terhadap kaum yang telah lama tidak diberikan peringatan, menyebabkan hidup mereka menjadi lalai, namun kebanyakan daripada mereka tidak mahu beriman. (ayat 6-7)

---

<sup>1</sup> Pada umumnya intisari surah Yasin dipetik daripada 2 rujukan iaitu: Shekh Abdullah Basmeh (tt), *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*, Terengganu: Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn Bhd. Dan Abd al-Hīm 'Uwais (2006), *Tafsir al-Qur'ān Li al-Nāsyi'in*, c1 al-Mansūrah: Dar-al-Wafā'

Oleh kerana mereka memilih untuk tidak mendengar dan menerima peringatan yang disampaikan oleh Rasulullah S.A.W serta tidak menerima kebenaran, lalu diri mereka terhibab daripada memahami al-Quran walaupun ia membawa hujjah dan bukti yang nyata tentang kebenaran perkara yang diperingatkan oleh Nabi S.A.W kepada mereka. Akhirnya sama sahaja kepada mereka sama ada diberikan peringatan atau tidak, mereka tetap juga tidak beriman. (ayat 8-10)

Namun peringatan yang disampaikan oleh Rasulullah S.A.W hanya dapat diambil faedah oleh golongan yang ada dalam hati mereka perasaan takut terhadap Allah yang bersifat Maha Pemurah, walaupun mereka tidak melihat perkara (azab) yang diperingatkan. Lalu mereka diberikan khabar gembira iaitu mendapat keampunan dan pahala daripada Allah. (ayat 11)

Mereka terus diberikan peringatan bahawa Allah Maha Berkuasa menghidupkan orang-orang yang telah mati untuk diberikan balasan. Semasa manusia hidup di dunia ini, setiap perkara yang mereka lakukan serta apa yang mereka tinggalkan direkod di mana tidak ada satupun yang tertinggal. (ayat 12)

Seterusnya Allah membawa satu contoh mengenai sikap penduduk di suatu negeri ketika diutuskan kepada mereka beberapa orang rasul secara berturut-berturut untuk diambil iktibar bagaimana kesudahan yang menimpa orang-orang yang ingkar kepada dakwah yang disampaikan oleh rasul-rasul. Setiap rasul yang datang itu ditolak dengan alasan rasul-rasul tersebut adalah manusia biasa dan penduduk negeri itu menuduh mereka

berdusta, lalu dijelaskan bahawa Allah mengetahui tentang kebenaran mereka yang ditugaskan untuk menjelaskan perintah-perintahNya (ayat 13-17 )

Namun segala penjelasan yang diberikan tidak dapat memuaskan hati mereka, lalu mereka berterusan membantah sambil menuduh kedatangan rasul-rasul telah menjadikan mereka ditimpa susah dan bernasib malang, justeru mereka mengugut akan memerangi dan menyiksa utusan-utusan Allah itu sekiranya mereka meneruskan dakwah. Sebenarnya mereka tidak sedar bahawa sikap kufur merekalah yang membawa mereka dilanda kesusahan. (ayat 18-19)

Dalam pada itu, muncullah seorang lelaki yang memberi nasihat dan mengajak kaumnya supaya menerima dan mengikut seruan rasul-rasul yang sedikit pun tidak mengharap ganjaran daripada mereka, sambil menegaskan bahawa dia menyembah Allah kerana Dialah Pencipta dan kepadaNya lah semua manusia akan dikembalikan. (ayat 20-21)

Selanjutnya lelaki tadi seakan mengajak kaumnya berfikir kenapa dia harus menyembah selain daripada Allah, sedangkan Allah yang bersifat Maha Pemurah mempunyai kehendak dan kuasa yang mutlak dalam menurunkan bencana. Apa bila ia berlaku sudah pasti tuhan-tuhan yang disembah selain daripada Allah tidak mampu memberi pertolongan serta menyelamatkannya. Dia juga menegaskan bahawa perbuatan menyembah selain daripada Allah merupakan satu kesesatan yang nyata. (ayat 22-24)

Akhirnya dia mengisytiharkan kepada kaumnya bahawa dia telah beriman kepada Tuhan mereka (kaumnya) yang sebenar iaitu Allah. Kemudian selepas dia mati dikatakan



kepadanya: “masuklah ke syurga” dan apabila melihat nikmat syurga lalu dia berkata: “Alangkah baiknya kalau kaumku mengetahui apa yang menyebabkan Tuhanku memberi keampunan kepadaku dan menjadikan aku termasuk golongan yang telah dimuliakan” (ayat 25-27)

Selepas lelaki beriman itu mati kaumnya dibinasakan oleh Allah dengan satu bencana yang dahsyat, menyebabkan mereka semuanya mati. Sesungguhnya alangkah besarnya penyesalan yang ditanggung oleh hamba-hamba dimana telah datang rasul-rasul yang memberi peringatan terhadap akibat buruk yang akan menimpa orang-orang yang mengingkari kebenaran, tetapi mereka bukan sahaja tidak percaya malah mereka mengihina rasul-rasul dengan ejekan-ejekan. (ayat 28-30)

Selain daripada mengingkari peringatan yang disampaikan oleh rasul-rasul, mereka juga tidak berfikir serta mengambil pengajaran daripada kehancuran umat-umat terdahulu yang melakukan perkara yang serupa dengan mereka, telah diturunkan bermacam-macam bencana yang membawa kepada kehancuran sampai ke akar umbi (ayat 31)

Cerita mengenai kaum yang ingkar dan padah yang diterima oleh mereka diiringi dengan peringatan untuk manusia, bahawa setiap makhluk akan dihimpunkan pada hari kiamat untuk menerima balasan terhadap apa yang mereka lakukan semasa hidup di dunia ini (ayat 32)

Dalam beberapa ayat seterusnya, Allah membawa bermacam-macam dalil yang menunjukkan tentang kekuasaanNya serta kemurahanNya, untuk diperhati dan difikirkan

oleh seluruh manusia. Dalil-dalil tersebut dapat dilihat dengan jelas disekeliling mereka, malah amat berkait rapat dengan keperluan hidup seharian.

Dalil yang pertama ialah tentang keadaan bumi yang asalnya mati, lalu Allah hidupkannya (dengan diturunkan hujan) serta dikeluarkan daripadanya bermacam-macam jenis bijian yang menjadi sumber makanan manusia. Di bumi ini juga Allah jadikan pelbagai jenis kebun buah-buahan seperti kebun-kebun kurma dan anggur serta disediakan bekalan air yang terpancut dari perut bumi agar pokok-pokok yang ditanam menjadi subur dan mengeluarkan hasil. (ayat 33-34)

Manusia dapat menikmati buah-buahan dari kebun-kebun yang subur tadi dan dapat mengeluarkan hasil-hasilnya dengan kudrat yang Allah berikan kepada mereka. Dengan itu tidak wajar kalau manusia tidak bersyukur kepadaNya. (ayat 35)

Dalam ayat seterusnya dinyatakan bahawa Allah Yang Maha Suci, telah mencipta makhluk-makhlukNya dengan berpasang-pasangan, sama ada dari apa yang ditumbuhkan oleh bumi atau dari diri manusia atau dari makhluk-makhluk lain yang mereka tidak mengetahuinya. (dengan adanya pasangan-pasangan ini tumbuh-tumbuhan dan manusia menjadi biak serta dapat meneruskan penghidupan di muka bumi ini) (ayat 36)

Setelah dipaparkan dalil-dalil kekuasaan Allah yang terdapat dalam kehidupan di bumi, pada dalil yang kedua manusia diajak supaya merenung kepada satu fenomena alam yang menakjubkan, dimana ia berlaku setiap hari iaitu pertukaran malam dan siang serta tentang kejadian matahari dan bulan yang bergerak dengan teratur mengikut paksi yang Allah telah

tentukan sehingga melahirkan keseimbangan yang memberikan kesejahteraan kepada kehidupan di bumi. (37-40)

Dalil ketiga yang menunjukkan kekuasaan Allah serta rahmatNya kepada seluruh manusia ialah kapal-kapal yang dapat belayar di atas permukaan air atau lautan, sama ada bahtera nabi Nuh A.S atau kapal-kapal lain, dengan ciri-ciri yang terdapat pada kapal atau pada air atau pada angin atau pada yang lain, maka dengan rahmat Allah manusia dapat belayar di atasnya dengan selamat serta dapat mencapai apa yang mereka perlukan sama ada untuk mendapatkan sumber-sumber makanan laut atau menyampaikan mereka dari satu destinasi ke satu destinasi untuk membawa barang-barang dagangan, pengembaraan dan sebagainya. (ayat 41-44)

Semua dalil keimanan tadi dipaparkan untuk menimbulkan keinsafan ke dalam diri manusia akan betapa hebatnya kekuasaan Allah dan betapa luas rahmatNya ke atas mereka, serta sangat berhajat dan bergantungnya mereka kepadaNya.

Namun semuanya itu tidak berguna bagi golongan yang ingkar, kerana apabila disuruh supaya mereka bertakwa kepada Allah dalam setiap urusan hidup serta takut kepada bala bencana yang akan menimpa, mereka tetap berdegil dan tidak menghiraukannya. (ayat 45)

Mereka juga ingkar dan bersifat kedekut untuk membelanjakan harta kepada golongan yang memerukan bantuan apabila diminta untuk berbuat demikian, malah

mengejek-ngejek dengan mengatakan: “Patutkah kami memberi makan kepada orang yang jika Allah kehendaki tentulah Dia akan memberinya makan”. (ayat 47)

Selain tidak beriman kepada Allah dan bersifat degil, golongan ini tidak percaya kepada adanya hari akhirat dan balasan yang akan mereka terima serta mempersendakannya dengan bertanya: “Bilakah datangnya (hari kiamat) hari yang dijanjikan itu, jika kamu orang-orang yang benar”. (ayat 48)

Justeru dalam beberapa ayat seterusnya Allah memberi gambaran tentang keadaan mereka apabila tibanya hari kiamat, dimana ia akan berlaku secara cepat serta dalam keadaan mereka tengah leka dengan urusan-urusan dunia, sehingga mereka tidak berpeluang untuk menyelesaikan urusan sesama mereka atau untuk pulang kepangkuhan keluarga. (ayat 49-50)

Kemudian setelah ditiupkan sangkakala, seluruh manusia segera bangkit dari kubur masing-masing. Apabila mereka yang ingkar kepada hari kiamat mulai sedar akan kebenaran janji Allah yang mereka dustakan dahulu secara seponatan mereka mengucapkan: “Aduhai celaknya kami! Siapakah yang membangkitkan kami dari tempat tidur kami (kubur), lalu dikatakan kepada mereka: Inilah dia (kiamat) yang telah dijanjikan oleh Allah Yang Maha Pemurah, dan benarlah berita yang disampaikan para rasul”. (ayat 51-52)

Keadaan berlalu dengan pantas dan mereka segera dihimpun untuk dibicarakan dimahkamah Allah. Setiap orang akan dibalas setimpal dengan apa yang mereka lakukan semasa hidup di dunia tanpa dizalimi sedikit pun. (ayat 53-54)

Gambaran seterusnya pula mengenai bentuk-bentuk balasan yang diterima oleh mereka yang beriman dan golongan yang kufur kepada Allah di hari pembalasan.

Golongan mukmin ditempatkan di syurga dalam keadaan “asyik menikmati suasana yang penuh kebahagiaan bersama pasangan mereka di tempat yang penuh keindahan, sambil menjamu selera dengan buah-buahan syurga dan apa sahaja yang mereka inginkan. (ayat 55-57)

Paling indah lagi apabila penghuni syurga dimulia dan dialu-alukan dengan ucapan salam sejahtera daripada Allah Yang Maha Mengasihani. (ayat 58)

Sedangkan orang-orang yang pulang kepada Allah dengan membawa dosa disisihkan dari orang-orang yang beriman sambil dilontarkan satu soalan yang menggambarkan kesalahan besar mereka iaitu tidak menghiraukan larangan Allah supaya tidak menyembah syaitan yang telah diisytiharkan sebagai musuh utama manusia, dan tidak menyahut seruan Allah yang memerintahkan agar menyembahNya sahaja. (ayat 59-61)

Allah mengingatkan lagi bahawa syaitan itu telah menyesatkan ramai golongan manusia. Sewajarnya manusia sedar serta mengambil perhatian di atas peringatan tersebut. (ayat 62)

Sekarang golongan yang kufur kepada Allah ditempelak di saat-saat mereka sedang bergelut dengan suasana yang amat menakutkan serta ucapan yang menyakitkan: “Inilah dia neraka jahannam yang selalu diancamkan kepada kamu. Rasalah kamu kebakarannya

pada hari ini kerana kekufuran yang kamu telah lakukan” (semasa hidup di dunia). (ayat 63-64)

Maka pada saat itu tidak ada lidah yang mampu mengucapkan kata-kata untuk membela diri, malah tangan-tangan manusia sendiri yang berbicara dengan Allah dan kaki-kaki mereka pula menjadi saksi atas perbuatan yang dilakukan oleh tuannya. (ayat 65)

Allah yang mempunyai kehendak dan kuasa mutlak dalam melakukan semua perkara boleh menghilangkan penglihatan mereka sehingga menyulitkan perjalanan mereka dalam sekelip mata dan begitu juga Allah berkuasa menukar keadaan jasmani mereka menjadi kaku di tempat mereka tanpa mampu bergerak ke hadapan atau ke belakang. (ayat 66-67)

Satu hakikat yang sewajarnya disadari oleh manusia bahawa mereka adalah makhluk yang lemah dan tidak mampu melawan ketentuan Allah, iaitu apabila dipanjangkan umur pemikirannya menjadi lemah, dan begtu juga keadaan fizikalnya. (ayat 68)

Dalam ayat seterusnya Allah kembali membicarakan tentang hakikat nabi Muhammad S.A.W bukanlah seorang penyair seperti yang dituduh oleh orang-orang kafir, bahkan baginda adalah seorang nabi yang menerima wahyu daripada Allah yang mengandungi nasihat dan pengajaran serta al-Quran yang memberi penjelasan (tentang pelbagai perkara). (ayat 69)

Antara fungsi al-Quran ialah menjadi peringatan kepada orang-orang yang hatinya hidup dan menjelaskan hukuman keatas orang-orang yang kufur dan ingkar. (ayat 70)

Sekali lagi Allah membawakan ayat-ayat yang boleh menarik manusia untuk beriman dengan membuka ruang fikiran mereka dengan melihat nikmat Allah serta kekuasaanNya yang telah menciptakan binatang-binatang ternakkan untuk pelbagai keperluan hidup mereka, sama ada sebagai kenderaan atau sebagai sumber makanan dan minuman. (ayat 71-73)

Namun sikap degil golongan orang yang mengambil segala nikmat Allah itu tetap menjadi penghalang untuk beriman kepada Allah Yang Maha Esa, mereka berterusan menyembah selain daripada Allah kerana mereka beranggapan sembah-sembahan itu dapat membantu mereka, sedangkan pada hakikatnya yang dianggap sebagai tuhan, tidak memiliki apa-apa kuasa. (ayat 74-75)

Dengan itu Allah menyeru Nabi S.A.W supaya jangan bersedih terhadap segala tuduhan yang dilemparkan oleh orang-orang kafir terhadapnya kerana Allah amat mengetahui apa sahaja tentang diri mereka. ( ayat 76 )

Sewajarnya manusia sedar yang mereka adalah merupakan makhluk yang Allah ciptakan dari setitis mani dan tidak sepatutnya membantah atau mempertikaikan tentang kekuasaan Allah bagi menghidupkan orang-orang mati yang telah reput dan hancur serta apa sahaja mengenai ketentuanNya. (ayat 77-78)

Nabi S.A.W diperintahkan oleh Allah supaya memberi jawapan yang tegas bahawa Allah yang Maha Berkuasa mencipta manusia pada awal kewujudannya sudah pasti Dia

berkuasa untuk menghidupkannya semula dan Dia Maha Mengetahui tentang keadaan makhluk-makhluk yang telah diciptakanNya. (ayat 79)

Dialah juga yang menjadikan api dari sumber pokok-pokok hijau yang basah. Apabila ia menjadi kering dan digeselkan sesama kayu dari pokok tadi maka ia mengeluarkan api. (Ini juga merupakan bukti kekuasaan Allah yang amat bijak dalam mencipta sesuatu) (ayat 80)

Manusia sewajarnya percaya bahawa Allah yang Maha Berkuasa mencipta langit dan bumi sudah pasti Dia berkuasa mencipta semula kejadian manusia sebagaimana Dia berkuasa mencipta mereka dahulu kerana Dialah juga Pencipta yang tidak ada bandingannya lagi Maha Mengetahui. Dan Dia juga mempunyai kehendak dan kuasa yang tiada batasannya (ayat 81-82)

Surah ini diakhiri dengan kenyataan yang membawa kepada satu hakikat tentang kesucian dan kebesaran Allah yang layak serta berhak diiktiraf oleh setiap hambaNya. Begitu juga dengan suatu kenyataan yang pasti akan terjadi kepada mereka iaitu akan kembali ke sisi Penciptanya. (ayat 83)

Kesimpulannya, surah Yasin sangat penting untuk diteliti oleh umat Islam kerana pengajaran daripada apa yang berlaku pada umat terdahulu wajar dijadikan sebagai iktibar. Di samping ayat-ayatnya yang sarat dengan dalil-dalil yang mengajak manusia untuk beriman kepada Allah dan juga hari pembalasan. Perbincangan yang panjang lebar oleh para ulama' terutamanya terhadap sebab penurunan ayat, pembacaan huruf di awal



surah, serta maksudnya sangat berguna kepada kita untuk dijadikan ukuran bahawa kitab suci ini adalah mukjizat agung yang tiada tolak bandingnya dan perlu dibaca, dikaji dan diteliti.